

Utusan : 20/12/2008

## **Prospek pasaran bon baik tahun depan**

KUALA LUMPUR 19 Dis. – Prospek pasaran bon dijangka positif pada tahun depan berikutan faktor persekitaran yang lebih baik.

Ketua Pembangunan Pasaran Bond Pricing Agency (BPA) Malaysia Sdn. Bhd., Mohd. Shaharul Zain berkata, jualan bon dalam ringgit dijangka meningkat apabila kadar faedah turun dan projek-projek kerajaan dilaksanakan.

Menurutnya, penurunan kadar faedah akan memudahkan para pelabur untuk meningkatkan dana mereka.

“Menerusi pandangan kami secara kuantitatif, pasaran bon dijangka naik dan jika melihat terhadap kematangan bon, pembiayaan semula diramal banyak berlaku pada tahun depan,” katanya kepada pemberita pada taklimat media di sini hari ini.

Turut hadir, Ketua Pegawai Operasi BPA Malaysia, Meor Amri Meor Ayob.

Mohd. Shaharul berkata, terbitan bon juga akan didorong oleh pelaksanaan projek kerajaan pada tahun depan.

“Ini kerana kebanyakan terbitan bon berhubung dengan projek infrastruktur seperti lebuhraya, pengeluar penjana bebas (IPP) dan sekiranya kerajaan ingin menjana pesat ekonomi, mereka memerlukan pembiayaan dan memasuki pasaran.

“Bon-bon ini akan dibeli kerana ia mempunyai penarafan kredit yang lebih tinggi dan apa yang bakal berlaku ialah kemungkinan penurunan dalam bon bertaraf lebih rendah,” ujarnya.

Tambahnya, projek seumpama itu akan terus memainkan peranan utama, berhubung terbitan bon besar yang menjadi kemegahan negara.

Pada taklimat media itu, BPA Malaysia juga melancarkan Siri Indeks Bon BPAM, indeks universal yang mana ia mencatat prestasi pasaran secara sistematik secara umum, termasuk pelbagai klasifikasi dan sektor kredit.

Sementara itu, Meor Amri berkata, dengan siri indeks itu, para pelabur dapat menilai portfolio mereka setiap hari disebabkan ia menunjukkan harga bon apabila waktu urusan ditutup.

“Ia membolehkan pengurus atau peserta pasaran menyemak prestasi bon dalam portfolio masing-masing selain membangunkan strategi- strategi pelaburan,” jelasnya.

Setakat ini, terdapat 2,751 bon aktif dengan nilai RM583.305 bilion.